

Nama Akhbar UTUSAN MELAYU
Tarikh 24 MEI 2008
Muka Surat 5
Paraka KEDUA - WA PUTIH MENANG

Kedua-dua pihak menang

THE HAGUE, Belanda 23 Mei - Menteri Luar, Datuk Seri Rais Yatim menyifatkan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) menyerahkan kedaulatan Pulau Batu Putih kepada Singapura dan mengekalkan Middle Rocks milik Malaysia sebagai memberi kemenangan kepada kedua-dua pihak.

Beliau berkata, berdasarkan kepada fakta-fakta sejarah serta perundangan antarabangsa dan kesan-kesan pertadbiran serta lain-lain hal yang berkaitan dengan tuntutan Pulau Batu Putih, mahkamah telah memutuskan untuk memberi kedaulatan kepada republik Singapura.

"Tetapi pada masa yang sama, Middle Rocks adalah diberi milik kedaulatannya kepada Malaysia, dan ini merupakan satu kemenangan kepada Malaysia jua," katanya kepada pemberita di kedutaan Malaysia di sini hari ini.

Mengenai kedudukan South Ledge, Rais berkata, mahkamah menentukan bahawa kedaulatannya adalah tertakluk kepada perairan yang dimiliki oleh sesuatu negara atau *territorial waters*.

Beliau tidak menolak kemungkinan bentuk maritim itu terletak di dalam kawasan perairan Middle Rocks dan Malaysia tidak mustahil berpuaka menjadi pemegang kedaulatan South Ledge.

"Jadi kesimpulannya ialah ini adalah *win-win situation*," katanya.

Menurut Rais, alasan-alasan yang diberikan ICJ sedang dikaji oleh kedua-dua pi-



RAIS Yatim bersalam dengan Timbalan Perdana Menteri Singapura, Prof. S. Jayakumar (kanan) sambil diperhatikan Duta Tugan-Tugan Khas republik itu, Tommy Koh selepas mendengar keputusan Pulau Batu Putih di Mahkamah Keadilan Antarabangsa di The Hague, semalam.

hak, dan seperti yang diumumkan baru-baru ini keputusan ICJ hari ini akan disusuli oleh jawatankuasa teknikal bagi Malaysia dan Singapura berhubung kes tersebut.

"Tindakan yang akan kita lanjutkan nanti akan diumumkan oleh kedua-dua

1850 hingga ke tahun 1953, Malaysia tidak ada, dari segi bukti, menentukan apa-apa kegiatan ataupun lunas yang boleh diterima sebagai bukti kedaulatan sama ada dari aspek kependudukan, pemeriksaan atau pun penyelesaian ke atas pulau itu.

Keduanya, menurut beliau, mahkamah juga menegaskan bahawa peta yang dikeluarkan oleh Malaysia pada tahun 1962, 1965, 1974 dan 1975, sesungguhnya mencerminkan bahawa tuntutan Singapura terhadap Pulau Batu Putih ada asasnya.

"Yang ketiga adalah surat pegawai yang mewakili Setiausaha Kerajaan negeri Johor pada tahun 1953 itu dianggap oleh mahkamah sebagai bukti bahawa berlaku penyerahan kuasa serta kedaulatan pulau tersebut," katanya.

Dalam konsep yang agak bertalian pula, katanya, mahkamah menentukan bahawa Middle Rocks adalah hakmilik Malaysia dan kedaulatannya ada pada negara ini.

Dengan keputusan ICJ itu, kata Rais, Malaysia mulai sekarang, boleh menggunakan apa-apa hak-hak kedaulatannya terhadap Middle Rocks, termasuk membenarkan aktiviti perikanan, penyelidikan dan kajian cuaca.

Rais berkata, beliau secara dasarnya gembira kerana mahkamah telah mengisytiharkan bahawa dari sudut sejarah kedaulatan Pulau Batu Putih adalah milik kesultanan Johor.